

# Calon UPSR sertai program Q-Gen 2017

KUANTAN - Seramai 353 pelajar yang bakal menduduki Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) di daerah ini dan Pekan diberi pendedahan baru dengan menyertai program motivasi, Q-Gen 2017.

Pengurus Besar, Pejabat ECERDC negeri, Majlis Pembangunan Wilayah Timur Ekonomi Pantai Timur, Datuk Mohd Mazlan Sharudin berkata, program berbentuk motivasi yang diadakan berteraskan konsep 'Kemandirian Hidup' ataupun kebolehan untuk seseorang murid itu untuk berdikari.

Menurutnya, penekanan turut diberikan untuk melatih para pelajar menjadi kental di dalam menghadapi masalah hidup dan sentiasa optimistik serta mempunyai keyakinan diri yang tinggi.

"Bak kata pepatah, melentur buluh biar dari rebungunya. Peringatan serta pendedahan kepada program berbentuk motivasi kepada pelajar ini adalah penting bagi membentuk perlakuan yang optimis dan minda yang sihat sejak dari kecil untuk dipraktikkan sehingga de-



Seramai 353 pelajar dari Pekan dan Kuantan terlibat dalam program Q-Gen 2017.

wasakan.

"Diharap segala pengetahuan dan ilmu yang diperoleh pelajar ketika mengikuti program Empower ECERDC dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Program Q-Gen 2017 Empower ECERDC Kuantan dan Pekan di Dewan Astaka, **Universiti Malaysia Pahang (UMP)**, semalam.

Seramai 120 pelajar dari daerah ini, manakala Pekan pula disertai 233 pelajar.

Program tersebut telah dirasmikan oleh Adun Pulau

Manis, Datuk Khairuddin Mahmud.

Dalam pada itu, Mohd Mazlan berkata, pihak ECERDC amat berharap dengan adanya program ini, pelajar Empower ECERDC akan terus bersemangat untuk meningkatkan lagi ilmu pengetahuan dan seterusnya mendorong pelajar agar lebih cemerlang dalam pelajaran.

Sementara itu, Khairuddin berkata, program latihan akademik ini adalah langkah terbaik bagi membantu pelajar dari keluarga miskin untuk berjaya dalam pelajaran.

Beliau berharap, pelajar Empower ECERDC tidak meniatkan peluang keemasan yang diberikan oleh pihak ECERDC untuk membina masa depan mereka.

"Kita harapkan lebih ramai lagi rakyat akan berpeluang untuk meraih manfaat dan faedah daripada program pembangunan modal insan yang diusahakan ECERDC," katanya.



Pelajar Empower ECERDC didedahkan dengan pelbagai teknik termasuk bermain dalam kumpulan bagi melatih keyakinan diri mereka.